

# Buletin ACIS

eISSN: 2600-8289

Ramadan / Syawal 1441 — Mei 2020

BIL: 22 / 2020



## E-Pembelajaran Berkesan

Zikir- Ingatkan  
Diri Erti  
Ketenangan

Permasalahan  
Berkaitan  
Ihya' al-Mawat

PUISI:  
Manusia dan  
Nilai

Rukhsah

Maqasid Syariah  
Dalam Mengekang  
Zina

Al-Farabi-  
Tokoh  
Falsafah Islam

# Buletin ACIS

## SIDANG REDAKSI

### Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin  
(Rektor)

### Penasihat:

Hisam Satari  
(Ketua Pusat Pengajian Acis )

### Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

### Sidang Pengarang:

Siti Saufirah Binti Mohd Tahir  
Husnul Rita Aris  
Nur Sofiah Binti Suhaimi  
Dr. Adibah Bohari  
Nur Nabilah Binti Azimoha  
Shahril Anuar Abdul Ghalim  
Nurul Nisha Mohd Shah  
Mu'allim Bin Mohd Bakri

### PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Seremban  
Persiaran Seremban Tiga/1,  
70300 Seremban 3,  
Negeri Sembilan, Malaysia

Jika berminat untuk  
menghantar sebarang artikel  
atau komen, boleh email ke  
[buletin.acis.n9@gmail.com](mailto:buletin.acis.n9@gmail.com)  
[muallim@uitm.edu.my](mailto:muallim@uitm.edu.my)

## Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri keduapuluh tujuh atau siri keduapuluh dua yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Tajuk Fokus bulan ini adalah "**E-Pembelajaran Berkesan**". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

## Isi Kandungan

- ⇒ E-Pembelajaran Berkesan ( 3 )
- ⇒ Puisi: Manusia dan Nilai ( 8 )
- ⇒ Maqasid Syariah dalam Mengekang Zina ( 9 )
- ⇒ Rukhsah ( 13 )
- ⇒ Al-Farabi-Tokoh Falsafah Islam( 15)
- ⇒ Zikir-Ingatkan Diri Erti Ketenangan (17 )
- ⇒ Permasalahan Berkaitan Ihya' al-Mawat ( 19 )

**HAKCIPTA TERPELIHARA**  
Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan  
sebulan sekali

# E-Pembelajaran Berkesan

Oleh : Nur Sofiah Binti Suhaimi  
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Seremban)



## PENGENALAN

E-pembelajaran merupakan singkatan kepada elektronik pembelajaran. Ia mula diperkenalkan pada tahun 1960 menerusi pembelajaran berasaskan komputer dan kini berkembang sejajar dengan penggunaan internet dan web (Zlatko et al. 2016). Valentina & Nelly (2014) mendefinisikan e-pembelajaran sebagai penggunaan maklumat dan teknologi komunikasi bagi membolehkan pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran atas talian. Manakala, Nor Aniza & Lay Nee (2015)

pula mentakrifkan e-pembelajaran sepetimana berikut:

*“Electronic learning, or e-learning, refers to a form of learning in which the lecturer and student are at a distance, separated by space or time, and the gap between the two is bridged through the use of online technologies”*

*(Nor Aniza & Lay Nee. 2015. hlm. 23)*

Hal ini mampu difahami bahawa terdapat pelbagai definisi e-pembelajaran. Malah hal ini turut disokong oleh Valentina & Nelly (2014) yang menyatakan tidak terdapat suatu definisi yang khusus bagi

menjelaskan maksud e-pembelajaran. Hal ini demikian, ia meliputi kepelbagaian sudut pandang sama ada menerusi penggunaan multimedia dalam pengajaran tradisional, strategi pembelajaran gabungan (blended learning) maupun kaedah pengajaran di atas talian sepenuhnya.

## Evolusi Aplikasi E-Pembelajaran

E-Pembelajaran pada awalnya merujuk kepada proses pengajaran yang melibatkan penggunaan komputer dan multimedia dimana ia lebih berperanan sebagai alat bantu mengajar yang masih berorientasikan pengajaran berpusatkan guru. Walaupun begitu, perkembangan teknologi yang pesat telah mengubah bentuk pembelajaran kepada mobile-learning (M-learning). M-pembelajaran merupakan proses pembelajaran mudah alih yang tidak terhad kepada lokasi fizikal dimana pelajar menggunakan perkhidmatan jalur lebar dan telefon mudah alih pada bila-bila dan dimana sahaja mereka berada (Ahmad Fakrudin & Ammar 2018).

Selain itu, Zlatko et al. (2016) turut menjelaskan perubahan tren perkembangan e-pembelajaran yang meliputi lima elemen iaitu strategi pembelajaran gabungan (Blended learning), gamifikasi (Gamification), pembelajaran mikro (Micro learning) dan Pembelajaran sepanjang hayat (Continuous learning/ Lifelong learning). Gamifikasi merupakan metode pengajaran abad ke-21 menerusi aplikasi permainan video yang dibangunkan bagi mencapai objektif pembelajaran. Hal ini turut disokong oleh Siti Rohani et al. (2018) yang menyatakan ia sebagai pendekatan pembelajaran yang lebih menghiburkan

dan bermanfaat dengan reka bentuk yang terancang, tersusun dan dinamik merangkumi pelbagai elemen seperti motif, peraturan, ganjaran, sistem penskoran dan sebagainya.




Hal ini seterusnya turut melibatkan perkembangan e-pembelajaran khusus di peringkat pengajian tinggi seperti massive open online courses (MOOCs). Menurut Jolie (2014), ia mula diperkenalkan pada tahun 2007-2008 yang mempunyai ciri keterbukaan (openness), tidak formal dan pembelajaran atas talian di peringkat universiti (postsecondary online learning). Ia kemudiannya digunakan secara meluas pada 2012 yang berkonsepkan pendidikan universal yang mampu dikongsi bersama tanpa dibatasi dengan faktor demografi, ekonomi, budaya dan kenegaraan (Victor et al. 2017). Malah ia juga turut dibentuk bagi menampung jumlah penyertaan yang lebih ramai berbanding pendidikan tradisional yang mempunyai kapasiti yang lebih kecil.

## Konsep E-Pembelajaran

E-Pembelajaran merupakan proses pembelajaran yang terbuka kepada para pelajar untuk mempelajari, mengulang kaji serta memuat turun nota kuliah menerusi kepelbagaian medium dan platform interaktif. Umumnya, terdapat

tiga elemen asas bagi pelaksanaan e-pembelajaran iaitu infrastuktur teknologi, platform e-pembelajaran dan kandungan serta penyertaan (Zlatko et al. 2016).

Konsep e-pembelajaran mempunyai pelbagai dimensi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini mampu dijelaskan menerusi rajah berikut:



Rajah 1: Model e-pembelajaran  
(Sumber: Algahtani, 2011, hlm. 66)

Hal ini menunjukkan terdapat tiga bentuk e-pembelajaran, iaitu ‘adjunct’ yang melibatkan penggunaan teknologi sebagai alat dan pemudah cara dalam proses pengajaran tradisional. Seterusnya, ia diikuti dengan ‘blended’ yang mengintegrasikan bentuk pengajaran tradisional dan e-pembelajaran dalam proses penyampaian serta ‘totally online’ yang melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran sepenuhnya di atas talian tanpa melibatkan interaksi secara fizikal. Walaupun begitu, ia juga terdapat dua pecahan bentuk pembelajaran, iaitu sinkronus (proses pembelajaran interaktif menerusi interaksi secara langsung antara para pelajar dan fasilitator) dan asinkronus (proses pembelajaran kendiri tanpa melibatkan interaksi dan tidak terikat dengan masa serta tempoh tertentu).

## E-Pembelajaran Berkesan

E-pembelajaran yang berkesan adalah proses pembelajaran yang sistematik dan lancar. Menurut Olojo Oludare et al. (2012), e-pembelajaran berkesan bermula dengan perkakas dan peranti yang berfungsi dengan baik, diikuti dengan jaringan internet yang pantas, kandungan dan penggunaan penyampaian bahasa yang bersesuaian, kesedaran yang tinggi terhadap nilai e-pembelajaran serta penambahbaikan kursus latihan kepada para guru dalam setiap peringkat pendidikan.


Anna & Xiufang (2016) pula menjelaskan tentang penekanan pedagogi dan reka bentuk kursus dalam pembelajaran e-pembelajaran. Malah, dapatan kajiannya

mendapati elemen yang terbukti mampu membentuk e-pembelajaran berkesan adalah apabila ia mampu membentuk sebuah komuniti pembelajaran atau juga dikenali sebagai ‘social presence’. Hal ini membolehkan setiap pelajar mampu untuk berinteraksi secara aktif menerusi jalinan hubungan yang baik secara sosial dan emosi antara pelajar dan fasilitator serta antara sesama para pelajar.

Selain itu, keberkesanannya e-pembelajaran juga mampu dicapai apabila keperluan entiti pengajaran dan pembelajaran iaitu guru dan pelajar telah dipenuhi. Kajian Erin et al. (t.t) mendapati keperluan guru dalam proses e-pembelajaran adalah transformasi kursus, masa, sokongan teknikal, suasana pembelajaran dan komunikasi. Ringkasnya, beliau berpandangan e-pembelajaran hanyalah proses transformasi

kaedah pengajaran ‘sebagaimana ia’ kepada format atas talian. Keperluan pelajar pula lebih menjurus kepada keperluan teknikal dan alat pembelajaran (perkakas, perisian dan teknologi), keperluan emosi (motivasi, kesabaran dan advokasi diri) serta kemahiran pembelajaran (membaca dan menulis).

Kepelbagai sudut pandang bagi keberkesanannya e-pembelajaran mampu difahami menerusi kajian Signe Schack & Rikke (2015) yang menjelaskan bahawa definisi dan pengukuran bagi keberkesanannya e-pembelajaran sebenar masih memerlukan kepada perbahasan yang mendalam. Namun demikian, kajian beliau juga menemui faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanannya e-pembelajaran yang dinamakan sebagai artifikat (artefact) menerusi rajah berikut.



Rajah 2: Faktor mempengaruhi Keberkesanannya e-Pembelajaran

(Sumber: Signe Schack & Rikke, 2015, hlm. 287)

Hal ini menunjukkan bahawa bahan dan sokongan merupakan elemen penting dalam kelancaran pelaksanaan e-permbelajaran diikuti dengan interaksi aktif, motivasi pengalaman pelajar dan proses latihan. Hal ini turut dipersekutui oleh Yusup (2012) yang menyatakan bahawa terdapat tujuh amalan dalam membentuk e-pembelajaran yang baik iaitu menggalakkan hubungan baik antara pelajar dan guru sama ada di dalam mahupun diluar kelas, menggalakkan kerjasama dalam kalangan pelajar, menggalakkan pembelajaran aktif menerusi penghantaran hasil pembelajaran sama ada secara sinkronus mahupun asinkronus, pemberian

maklum balas segera oleh guru, penekanan masa bagi menyempurnakan tugas, meletakkan harapan tinggi guru terhadap kejayaan para pelajar dan menghargai bakat serta kepelbagai potensi pelajar menerusi kebebasan pemilihan projek mengikut minat pelajar.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa terdapat pelbagai elemen yang perlu diberi penekanan dalam membentuk e-pembelajaran berkesan, khususnya keperluan persediaan guru, keperluan kelancaran teknologi serta keperluan emosi pelajar. Hal ini mampu dijelaskan dengan lebih baik menerusi pembentukan jadual menurut fasa pelaksanaannya seperti mana berikut:

## CADANGAN PENGGUNAAN APLIKASI

<b>Sinkronus:</b>	Zoom, intagram live, Whatsapp, Video rakaman Skrin Dekstop (Camtasia & awwapp)	
<b>Asinkronus:</b>	Google Classroom, MOOCs, Classcraft.	
<b>PELAKSANAAN E-PEMBELAJARAN</b>		
Permulaan	Pertengahan	Pengakhiran
<p>Pengurusan Kelas:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Penerangan bentuk pengajaran dan pembelajaran yang bersifat formal dan rasmi</li> <li>◆ Penjelasan tentang pengurusan masa (tempoh pdp, tarikh serta masa akhir penghantaran tugasaa).</li> </ul> <p>Set Induksi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Lampiran gambar/video pendek atau soal jawab ringkas mengenai topik yang bakal dipelajari</li> </ul> <p>Topik Pengajaran dan Pembelajaran (PdP):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Menjelaskan topik PdP</li> <li>◆ Menggariskan objektif PdP secara ringkas dan padat (numbering atau bullet).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Penerangan topik menerusi kaedah syarahan, pembelajaran berdasarkan penemuan, kajian kes dan pembelajaran berdasarkan masalah.</li> <li>◆ Penekanan terhadap huraian dan arahan yang jelas menerusi pembentukan ayat yang ringkas dan padat atau menerusi penggunaan perisian dan aplikasi bantu mengajar.</li> <li>◆ Pengawalan pengurusan masa yang baik.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Penghantaran tugasaa, rumusan dan penilaian</li> <li>◆ Paparan gred menerusi graf</li> </ul>
<p>Sentiasa memberi ruang untuk pelajar bertanya soalan bagi memastikan kelancaran penyampaian maklumat, penyediaan ruang interaksi sama ada bersama fasilitator atau dalam kalangan para pelajar, memberi motivasi menerusi pujian dan teguran membina serta memberikan maklum balas segera terhadap perkongsian para pelajar.</p>		

## Kesimpulan

Secara kesimpulannya, e-pembelajaran merujuk kepada penggunaan teknologi secara meluas sama ada sebagai bahan bantu mengajar maupun sebagai medium utama pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, kepantasan dan kelancaran internet memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan e-pembelajaran. Justeru, kesediaan guru terhadap penguasaan kandungan dan teknologi serta kesediaan pelajar menerusi emosi dan penyertaan aktif amat mempengaruhi bagi mencapai proses e-pembelajaran berkesan.

## Rujukan

- Ahmad Fakrudin Mohamed Yusoff & Ammar Badruddin Romli. 2018. Kebolehgunaan Aplikasi Mudah Alih (Mobile Apps) Bagi Kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam (M-Istech) di Politeknik Malaysia. Malaysian Online Journal Of Education 2(1), hlm. 18-28.
- Algahtani, Abdullah Fahel. 2011. Effectiveness of the E-Learning Experience In Some Universities In Saudi Arabia From Male Students' Perceptions.Durham Theses, Durham University. Available at Durham E-Theses Online: [Http://Etheses.Dur.Ac.Uk/3215/](http://Etheses.Dur.Ac.Uk/3215/)
- Erin Gillett, Layna Cole, Laverne Kingsbury, Margaret Zidon. T.T. Successful Online Learning in Teacher Education: What Do Teachers and Students Need? The Journal Of Natural Inquiry And Reflective Practice Authors. Pg 1- 34
- Hamdan, A., Din, R., Manaf, S. Z. A., Saleh, N. S. M., Kamsin, I. F. K., Khalid, R. A., Ismail, N. M., Shah, P. M., & Karim, A. A. (2015). Personalized Learning Environment: Integration of Web Technology 2.0 In Achieving Meaningful Learning. Journal of Personalized Learning, 1(1), hlm.13-26.
- Jolie Kennedy. 2014. Characteristics of Massive Open Online Courses (Moocs): A Research Review, 2009-2012. Journal of Interactive Online Learning 13(1), Hlm. 1-16.
- Nor Aniza Ahmad & Lay Nee Chua. 2015. Technology and Higher Education: Using An- Elearning Tutorial as A Pedagogy for Innovation And Flexible Learning. Malaysian Journal of Distance Education 17(1), hlm. 21-31.
- Nor Aziah Abdul Aziz & Mohd Taufik Hj Ahmed. 2016. E-Pembelajaran Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Di IPG Kampus Ipoh. Jurnal Penyelidikan Dedikasi Jilid 11, hlm. 116-130.
- Olojo Oludare Jethro, Adewumi Moradeke Grace, Ajisola Kolawole Thomas. 2012. E-Learning and Its Effects on Teaching and Learning in A Global Age. International Journal of Academic Research In Business And Social Science Jilid 2, hlm. 203-210
- Signe Schack Noesgaard & Rikke Ørngreen. 2015. The Effectiveness of E-Learning: An Explorative and Integrative Review of The Definitions, Methodologies And Factors That Promote E-Learning Effectiveness. The Electronic Journal of Elearning 13 (4), hlm. 278-290.
- Siti Rohani Binti Jasni, Suhaila Binti Zailani & Hakim Bin Zainal. 2018. Pendekatan Gamifikasi Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa, hlm. 358-367.
- Sun, A., & Chen, X. (2016). Online Education and Its Effective Practice: A Research Review. Journal of Information Technology Education: Research, 15, 157-190
- Valentina Arkorful & Nelly Abaidoo. 2014. The Role Of E-Learning, The Advantages and Disadvantages of Its Adoption in Higher Education. International Journal of Education and Research Jilid. 2, hlm. 390-410.
- Victor Lim, Lawrence Wee, Shannalyn NG And Jessica Teo. 2017. Massive Open and Online Courses (Moocs) And Open Education Resources (OER) In Singapore. Journal by Southeast Asian Ministers of Education Organization Secretariat (SEAMEO Secretariat), hlm. 1-10.
- Virginia Junk, Nancy Deringer, William Junk. 2011. Techniques to Engage the Online Learner. Research in Higher Education Journal, hlm. 1-15.
- Yusup Hashim. 2012. Penggunaan E-Pembelajaran Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Berkesan. Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru (KKPG) 2012, Pahang.

# Manusia dan Nilai Puisi

Oleh : Husnul Rita Aris

(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)

Manusia dinilai dengan kebaikan untuk akhirat

Nilaian dunia sementara pada fizikal, material dan apa yang nampak pada pancaindera

Nilaian dunia akan hilang

Nilaian Allah kekal abadi

Kekayaan sementara ujian Allah

Adakah manusia akan bersyukur?

Jika bersyukur, pasti Allah gandakan

Jika tidak bersyukur, pasti mendapat balasan pedih di akhirat

Hanya sekejap pinjaman Allah

Pasti tidak kekal sampai ke alam kekal abadi

Akhiranya kekayaan, kejayaan, kebanggaan nilaian Dunia yang akan hancur

Amanah, tanggungjawab, sifat mahmudah nilaian utama

Keikhlasan, sabar dan beriman yang Allah ukur

Manusia mengukur apa yang dilihat di dunia

Namun ukuran nilaian Allah yang lebih hebat

Nilai kasih sayang hampir pupus

Dek rakus sesama manusia menguasai dunia

Kekejaman berleluasa tanpa peri kemanusiaan

Akhirnya manusia hidup dalam ketakutan

Ayah manusia kembali membina nilai kemanusiaan

Hidup aman damai tanpa sengketa

Mencari damai di bumi ciptaan Allah

Agar nilai Islam menjadi pegangan

Hidup bahagia di dunia hingga ke alam perhitungan Allah

# Maqasid Syariah Dalam Mengkekang Zina

Oleh : Dr. Adibah Bahori  
(Pensyarah Kanan ACIS UiTM  
Kampus Rembau)

## Pengenalan

Islam adalah cara hidup yang sempurna dan komprehensif. Allah s.w.t telah menurunkan syariatnya yang wajib dipatuhi bagi membimbing manusia dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai khalifah di muka bumi ini. Terdapat tujuan atau objektif tertentu di sebalik setiap pensyariatan yang telah diturunkan. Tujuan atau objektif inilah disebut sebagai maqasid.

Walaupun kehidupan berubah dan tamadun bertambah maju seiring dengan peredaran masa, namun syariat llahi tetap bertepatan untuk memenuhi keperluan hidup manusia dalam mencapai kebahagian di dunia dan akhirat.

Matlamat umum syariah adalah untuk menjaga maslahat (keperluan, kepentingan dan kesejahteraan) manusia serta mencegah dan membentras kerosakan dan perkara-perkara yang membawa kepada kehancuran dalam kehidupan di dunia dan seterusnya di akhirat kelak.

## Maqasid Syariah dalam Hidup

Perbincangan ini telah dihuraikan oleh para ulama, antaranya Imam al-Ghazali, Imam 'Izzuddin bin Abdul Salam, Imam al-Shatibi dan juga ulama kontemporari seperti Ibn 'Ashur. Daripada matlamat umum ini, para ulama telah menggariskan maqasid syariah iaitu tujuan dan objektif syariah yang merangkumi perkara-perkara yang ingin di-

pelihara melalui pelaksanaan syariah dan hukumnya.

Memelihara keturunan (hifz nasl) merupakan salah satu daripada lima objektif pensyariatan hukum (maqasid syariah) di dalam Islam. Pemeliharaan keturunan mengikut maqasid syariah melalui dua bentuk iaitu kawalan dan pencegahan. Bentuk kawalan bagi memelihara keturunan adalah melalui pensyariatan perkahwinan dan meletakkan undang-undang yang terperinci manakala bentuk pencegahan Islam telah mengharamkan khalwat, zina serta perbuatan sumbang di luar nikah.

## Kaedah Asas dalam Menjaga Keturunan

Islam menggalakkan mereka yang berkemampuan supaya berkahwin. Galakan berkahwin ini didatangkan oleh Allah dan Rasulnya dalam berbagai bentuk;

- i) Dalam bentuk penjelasan bahawa perkahwinan merupakan salah satu daripada sunnah para nabi-nabi terdahulu. Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Dan demi sesungguhnya! Kami telah mengutus rasul-rasul sebelummu, dan Kami jadikan untuk mereka isteri-isteri dan zuriat keturunan. Dan tiadalah sebarang kuasa bagi seseorang rasul untuk mendatangkan sesuatu mukjizat melainkan dengan izin Allah. Tiap-tiap satu tempoh dan waktu ada baginya perkara dan hukum yang telah ditentukan oleh "Suratan Azali" (al-Qur'an, ar Racd 13:38).

## ii) Dalam Bentuk Jaminan Sosial

Melalui perkahwinan dapat menutup pandangan daripada melihat perkara-perkara haram yang menggerakkan nafsu ke arah kemaksiatan yang akan merosakkan individu dan masyarakat.<sup>1</sup> Perkara ini dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. melalui sabdanya yang bermaksud; “Daripada Abdullah katanya, telah bersabda Rasulullah s.a.w kepada kami, wahai para pemuda, barangsiapa di antara kamu sekalian yang telah cukup persediaan untuk berkahwin, maka kahwinlah. Sesungguhnya perkahwinan itu akan lebih menutup pandangan dan lebih menjaga kesucian faraj. Dan bagi sesiapa yang belum mampu hendaklah ia berpuasa, kerana padanya perisai.<sup>3</sup>

Malah Islam juga telah meletakkan hukum hakam yang teliti dan rapi demi menjaga maslahah keturunan manusia antaranya; a) Islam menegakkan hukum hakam tentang perkahwinan bermula dengan pemilihan pasangan, akad, hubungan suami isteri dan anak-anak serta pendidikan mereka, hubungan kekeluargaan dan penceraian. b) Islam juga mengharamkan perlakuan zina, bersekedudukan, liwat, ro gol dan fawahish (perkara keji) seperti perbuatan lucah, celaan, mencabul kehormatan dan sebagainya. Bukan itu sahaja, bahkan Islam turut menyekat jalan-jalan ke arahnya seperti pengharaman mendedahkan aurat, khawat, pergaulan bebas dan keperluan meminta izin apabila masuk ke rumah atau ruang peribadi seseorang.

### Perkahwinan Memelihara Keturunan

Islam juga sangat mementingkan institusi kekeluargaan yang merupakan satu keperluan asas kepada fitrah

manusia. Islam telah menggariskan beberapa perkara bagi memelihara keturunan antaranya ialah melalui perkahwinan, tanggungjawab kekeluargaan serta batasan pergaulan bagi perhubungan berlainan jenis. Hal ini telah dinyatakan oleh al-Ghazali<sup>2</sup> yang meletakkan anak sebagai faedah utama akan diperolehi melalui perkahwinan dan menjadi aset terpenting bagi mengekal dan memperkembangkan keturunan manusia.

Kedua; dengan perkahwinan mampu menjaga keturunan dengan menanamkan unsur-unsur keimanan di dalam jiwa individu dan menyelamatkan keturunan daripada dipengaruhi oleh anasir-anasir yang merosakkan keislamannya. Kedua-dua aspek ini mesti berada dalam satu rangkaian dan berjalan seiring agar tidak berlaku kepincangan di dalam proses perkembangan keturunan manusia. Proses memperkembangkan zuriat ini tidak boleh dilakukan melalui cara lain selain daripada perkahwinan.



## **Penjagaan Keturunan Melalui Aspek Pencegahan**

Bagi memelihara nasab atau keturunan, Islam telah meletakkan beberapa kaedah asas sebagai pencegahan, antaranya ialah larangan Allah s.w.t. daripada perbuatan mendekati zina. Jika dilihat dari aspek maqasid syariah, jenayah zina adalah salah satu bentuk pencabulan kerana merosakkan pemeliharaan keturunan yang mengakibatkan pencampuran nasab atau merosakkan keturunan. Bahkan ia mengundang gejala sosial yang lebih ketara jika tidak ditangani diperingkat awal iaitu kesalahan khalwat.

Khalwat adalah bermaksud pengasingan diri di tempat-tempat yang terpencil dan tersembunyi oleh lelaki dan perempuan yang tidak berkahwin atau

berada berdua-duaan di dalam keadaan yang sumbang di tempat-tempat yang terpencil atau tersembunyi di antara lelaki dan perempuan yang tidak bernikah.<sup>4</sup> Ianya merupakan pemula kepada kesalahan jenayah Syariah yang berkaitan seksual seperti mukaddimah zina, persetubuhan luar nikah dan seterusnya hamil luar nikah.<sup>5,6</sup> Khalwat juga sebagai satu kesalahan merujuk kepada perbuatan bersuni-sunnyian antara lelaki dan perempuan yang bukan suami-isteri.

Menurut Siti Hajar dalam bukunya ‘Bimbingan pendidikan seksual untuk remaja Islam’ seseorang yang terjebak dengan seks bebas, kebanyakannya adalah ekoran daripada berkhalwat atau duduk bersuni-sunnyian antara lelaki dan perempuan. Secara psikologi, lelaki dan perempuan yang bukan mahram yang sedang berdua-duaan akan mudah mengalami total refleks, iaitu keadaan di mana seorang wanita tidak mampu berbuat apa-apa pada saat lelaki ter dorong melakukan hubungan seksual dengannya.<sup>7</sup> Al-Quran memberi peringatan yang agak keras tentang larangan mendekati perbuatan yang boleh membawa kepada perzinaan, termasuk khalwat.

## **Institusi Kekeluargaan Asas Ketamduanan**

Dengan itu menjaga keturunan bermaksud menjaga kesucian dan keselamatan keturunan manusia dari segi rohani dan jasmani daripada sebarang perkara yang memudaratkan dan memperkembangkan khalwatnya menurut disiplin yang telah ditetapkan oleh syarak. Oleh itu Islam menekankan proses memperkembangkan keturunan ini bukan hanya dari segi kuantitinya sahaja tetapi berusaha melahirkan umat Islam yang mempunyai





kualiti keimanan dan ketaqwaan yang tinggi kepada Allah s.w.t.. Dengan itu tepatlah kenyataan yang dikemukakan oleh Ibn cAsyur bahawa penyusunan yang baik dalam institusi kekeluargaan merupakan asas kepada ketamadunan sesuatu umat. Maka menerusi perkahwinan akan lahir zuriat yang sah, manakala perbuatan zina pula mengakibatkan lahir anak zina atau lahir anak di luar nikah dan menimbulkan pelbagai implikasi perundangan dari segi hak dan kedudukan sebagai anak tak sah taraf menurut undang-undang negara. Fenomena buang bayi di negara ini juga dikaitkan dengan perbuatan zina, hamil luar nikah dan kelahiran bayi yang tidak diingini.

## RUJUKAN

1. Ibn Qayyim al-Jauziyyah (t.t), al-Jawab al-Kafi, Beirut: Dar al-Fikr, hlm 159
2. al-Ghazali 1990, Ihya cUlam ad-Din, Cetakan 1, Juz 2, Beirut: Dar al-Khair, hlm. 75.
3. Sahih Bukhari, 2002, Terjemahan H. Zainuddin Hamidy dan lain-lain. Jil. iv, Bab al-Nikah. Singapura; Dar al-Fajr Publishing House, Hlm. 7-8.
4. Ainul Bashirah Ismail, Zuliza Mohd Kusrin, Mat Noor Mat Zain. Kesalahan Khalwat dan Perbuatan Tidak Sopan dan Hukumannya Menurut Islam. Jurnal Hadhari 4 (2) (2012) 65 – 88.
5. Siti Zubaidah Ismail. 2016. The legal perspective of khalwat (close proximity) as a shariah criminal offence in Malaysia. Pertanika J.Soc.Sci.& Hum, 24(3):905-917.
6. Ramizah Wan Muhamad. 2015. Khalwat as a moral crime in Malaysia: issues and realities. Journal of Islam, Law and Judiciary.1(2):1-25.
7. Siti Hajar Haji Ibrahim. 2002. Bimbingan pendidikan seksual untuk remaja Islam. Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa.

# Rukhsah

Oleh : Siti Saufirah Binti Mohd Tahir  
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)

Dalam beribadah Allah memberikan keringanan kepada orang tertentu dalam keadaan tertentu. Ia dikenali sebagai rukhsah dan rukhsah itu sendiri berasal

daripada perkataan bahasa arab. Maksud rukhsah dari segi bahasa ialah kemudahan atau keringanan. Manakala dari segi istilah ruksah ber-maksud hukum yang ber-

lawanan dengan hukum asal (azimah) disebabkan adanya keuzuran yang dibenarkan.

Berikut merupakan contoh azimah dan rukhsah yang dibenarkan dalam Islam.

Azimah (hukum asal)	Rukhsah (keringanan)
Wajib berwuduk apabila hendak solat	Boleh bertayamum ketika ketidaan air
Haram makan bangkai	Boleh makan bangkai ketika kebuluran
Solat zohor empat rakaat	Solat zuhur dua rakaat ketika musafir
Wajib berpuasa pada bulan Ramadhan	Boleh berbuka apabila bermusafir ketika bulan Ramadhan



Secara terperinci, ruksah terbahagi kepada lima, iaitu wajib, sunnah, mubah, khilaful awla, makhruh.

**Rukhsah wajib**, jika tidak dilaksanakan akan mengakibatkan kemudharatan. Contohnya hukum makan bangkai pada asalnya adalah haram. Tetapi apabila keadaan yang memudaratkan, makan bangkai adalah wajib sekiranya tiada makanan lain dan dikuatirkan akan meninggal sekiranya tidak makan bangkai tersebut.

**Rukhsah sunnah**, disarankan untuk melakukan dan ruksah itu yang lebih baik. Contohnya, qasar solat bagi musafir yang telah mencapai 2 marhalah atau 90km dan berbuka puasa bagi musafir yang mengalami musyaqqah.

**Rukhsah mubah**, boleh dilakukan dan boleh ditinggalkan. Contohnya, akad salam pada awalnya tidak dibolehkan kerana dianggap membeli barang yang ma'dum (tidak ada). Walaubagaimanapun, ianya dibolehkan mengikut persetujuan pihak yang berkontrak.

**Rukhsah khilaful awla**, lebih baik tidak dilakukan. Contohnya, jamak solat dan berbuka puasa bagi musafir yang tidak mempunyai musaqqah atau dengan kata mudah tanpa melakukan rukhsah, musafir masih dapat meneruskan perjalanan dan melaksanakan puasa.

**Ruksah makruh**, lebih baik ditinggalkan. Contohnya, mengqasarkan solat dalam perjalanan yang belum memenuhi tiga marhalah. Menurut imam Izuddin Ibn Abdissalam dalam qawa'id al-ahkam fi mashalih al-anam, kemakruhan tersebut untuk menghindari perbezaan antara syafiiyah yang cukup memberikan syarat dua marhalah dan hanafiyah yang mensyaratkan tiga marhalah sehingga akan lebih baik jika rukhsah qasar dilakukan apabila lebih dari tiga marhalah. Perkara ini kerana, selain memenuhi syarat yang ditetapkan syafiiyah, hal itu juga memenuhi syarat hanafiyah.

Dalam Islam setiap ibadah yang wajib dilaksanakan pasti ada keringanan dalam pelaksanaanya selari dengan keuzuran dan musaqqah yang dialami. Perkara ini kerana, ibadah yang perlu dilakukan dalam keadaan sukar akan dikurniakan pahala yang besar oleh Allah.

Manakala sekiranya seseorang berniat untuk menyukarkan dirinya dalam melakukan ibadah untuk memperoleh pahala yang lebih, maka perbuatan tersebut adalah dilarang keras oleh baginda saw. Sesungguhnya Islam itu mudah dan tidak membebankan.



# Al-Farabi: Tokoh Falsafah Islam

Oleh : Nur Nabilah Binti Azimoha  
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Seremban)

Tokoh teragung Islam al-Farabi atau nama sebenarnya Muhammad ibn Muhammad ibn Tharkhan ibn Azwalagh al-Farabi. Panggilan paling mashur ialah al-Farabi. Beliau dilahirkan di Wasij dalam daerah Farab iaitu sebahagian daripada Transoxiana, Turki. Al-Farabi dikatakan berasal dari sebuah keluarga yang mempunyai taraf sosial yang tinggi dan ternama. Datuk al-Farabi merupakan seorang pegawai tentera yang berpengaruh dalam masyarakat feudal Turki.

Kebanyakkan pengkaji dan ahli-ahli sejarah berpendapat bahawa al-Farabi memiliki dan menggunakan daya akal yang tinggi sejak awal lagi serta mempunyai kelebihan menguasai hampir kesemua bidang ilmu pengetahuan. Bahkan juga beliau dikatakan mampu menguasai banyak bahasa seperti yang ditonjolkan dalam kitabnya al-Musiqa al-Kabir yang mempamerkan kebolehan menguasai bahasa-bahasa Parsi, Turki, Kurdi dan Arab.

Pendidikan awal al-Farabi adalah bersifat tradisional daripada guru-guru persendirian di rumah-rumah mereka ataupun belajar secara formal di masjid-masjid yang terdapat di Wasij. Proses pembelajaran al-Farabi bermula di tempat kelahiran beliau di Farab.



Kemudian beliau mengambil inisiatif keluar dari daerah Farab untuk berguru dengan tokoh-tokoh Muslim dan bukan Muslim.

Pendidikan asas yang diterima oleh al-Farabi meliliti ilmu-ilmu agama seperti fiqah, hadis, tafsir al-Quran, bahasa dan sebagainya. Asas pengetahuan agama ini dijadikan landasan oleh al-Farabi bagi tahap pendidikannya yang lebih tinggi.

Memandangkan minat yang mendalam dan kecintaan yang tinggi terhadap ilmu-ilmu falsafah serta terpikat

dengan kepintaran al-Farabi, Sayf al-Dawlah (Gabenor di Aleppo) telah menjemput al-Farabi menjadi tetamu kehormat di istana dan baginda sering memberi layanan yang istimewa kepada beliau. Al-Farabi telah menarik minat gabenor tersebut dengan kebolehan beliau dalam berbagai-bagai bahasa, kepakaran dalam ilmu falsafah dan kebolehan yang tinggi dalam bidang logik.

Istana Sayf al-Dawlah sentiasa dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti ilmiah dan menjadi tempat berkumpul para penyair, ahli filologi, ahli falsafah dan para sarjana yang terkemuka. Pelbagai kaum seperti daripada Parsi, Tukri dan Arab berhujah dan berbahas dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan.

Walaupun al-Farabi menjadi tetamu di istana dan telah ditawarkan dengan segala kemewahan termasuklah kediaman mewah tetapi beliau menolak dengan baik. Al-Farabi juga pernah menolak peraturan berpakaian ke istana dan lebih senang memakai pakaian seorang ahli sufi.

Menurut ahli sejarah,

al-Farabi merupakan seorang tokoh falsafah Islam yang terbesar dan tiada tandingannya. Gelaran " Guru Kedua" telah diberi kepada al-Farabi berdasarkan sumbangan beliau dalam bidang falsafah dan mantik. Gelaran ini lebih tepat dikaitkan dengan peranan al-Farabi dalam menggarap pemikiran falsafah Aristotle.

Bahkan juga beberapa ahli sejarah mencatatkan al-Farabi sebagai penyambung kepada pemikiran falsafah Aristotle yang dianggap sebagai aktiviti pemikiran manusia yang paling tinggi. Usaha al-Farabi mengumpul, menterjemah dan menyempurnakan pemikiran fasafah Aristotle serta membahaskan ilmu Aristotle dengan meluas sehingga melayakkan beliau mendapat gelaran tersebut.

Ada pandangan yang menyatakan bahawa Ibn Sin telah membaca 40 kali buku metafizik karangan Aristotle, bahkan beliau menghafal hampir kesemua isi buku tersebut. Namun, beliau gagal memahami sepenuhnya. Setelah membaca buku Tahqiq Gharadhdh Aristu fi Kitab ma ba'da ath-Thabi'ah ditulis al-

Farabi yang menjelaskan tujuan dan metafizik Aristotle, barulah Ibn Sina memahami falsafah Aristotle yang sebenar.

Sesungguhnya, para ilmuan Islam menyifatkan al-Farabi sebagai ahli falsafah Islam yang arif, malah belum ada seorang pun ahli falsafah Islam yang telah mencapai tingkat kefahaman dan keahlian al-Farabi. Ahli-ahli falsafah yang datang kemudian daripada al-Farabi banyak memanfaatkan ilmu beliau sekali gus mengiktiraf kepakarannya.

### **Sumbangan Penulisan Al-Farabi**

Sumbangan al-Farabi dalam bidang ilmu dapat dilihat pelbagai hasil penulisan mengikut pelbagai bidang yang sehingga kini menjadi rujukan umat manusia seperti;

- ⇒ Bidang nahu dan linguistik
- ⇒ Bidang Logik
- ⇒ Bidang Matematik
- ⇒ Bidang Fizik
- ⇒ Bidang Metafizik
- ⇒ Bidang Politik
- ⇒ Bidang Fiqh
- ⇒ Bidang Kalam

# Zikir - Ingatkan Diri Erti Ketenangan

Oleh : Shahril Anuar Abdul Ghafim & Nurul Nisha Mohd Shah  
(Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media Kampus Rembau)

Firman Allah dalam surat Ar-Ra'd, ayat 28 bermaksud: "...iaitu orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingati Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingati Allah hati akan menjadi tenang"

Ketenangan merupakan suatu nikmat kurnian Allah s.w.t kepada manusia. Tanpa ketenangan manusia akan menjadi huru hara. Perasaan mereka akan menjadi gundah gulana. Semua perkara yang mereka lakukan seakan tidak kena dan tidak sempurna. Ketenangan sangat penting dalam mengaktifkan minda separa sedar manusia. Hal ini kerana minda separa sedar adalah tempat penyimpanan memori jangka panjang atau bank memori. Apabila seseorang melakukan sesuatu perkara secara tergesa-gesa maka yang sedang aktif adalah minda sedar yang memegang memori jangka pendek. Maka dia akan mudah lupa akan hal tersebut. Kecuaian itu bukan sahaja melibatkan kerugian pada diri sendiri bahkan jika ia melibatkan orang lain pastinya mampu

menggugat keharmonian hubungan sesama manusia.

Ramai antara kita yang cuba mencari sumber kepada ketenangan hidup. Ada antara mereka menganggap sumber ketenangan hidup adalah apabila berjaya mengumpul harta yang banyak, mempunyai banyak rumah mewah, duit yang banyak dan sebagainya. Namun pada hari ini dapat kita lihat peningkatan pada jumlah kes kemurungan dan bunuh diri. Jika ada yang mengatakan bahawa sumber ketenangan adalah dengan memiliki keluarga yang sempurna iaitu memiliki suami/isteri serta anak yang ramai, namun mengapa pada hari ini terdapat banyak kes keruntuhan rumah tangga, anak-anak terbiar, anak yang sanggup menghantar ibu bapa ke rumah orang tua dan sebagainya. Jika ketenangan itu datangnya daripada sifat percaya diri, maka kita boleh lihat sekarang ini banyak orang memuatnaik gambar diri sendiri di media sosial dengan caption yang bersifat *narcissist* dan langsung tidak menghiraukan tanggapan orang lain ter-



dapatnya. Dan jika ada yang menegur, individu ini dengan angkuhnya mengatakan bahawa orang yang menegur untuk kebaikan itu kolot, bersifat negatif dan lain-lain.

Dan yang paling utama adalah pada tahun 2020, penyakit mental atau kemurungan akan menjadi penyakit nombor satu di Malaysia.

Jadi apakah ubat untuk penyakit ini? Adakah ia satu wabak yang boleh dicegah atau hanya perlu tunggu dirawat sahaja? Atau tiada harapan untuk sembah lagi?

Sabda Nabi, "Mahukah aku beritahu kamu tentang amal yang paling bersih di sisi Tuhanmu dan paling tinggi mengangkat darjatmu, dan lebih baik bagimu dari berperang melawan musuh, kamu memenggal leher mereka dan mereka pun memenggal leher kamu?" Para Sahabat menjawab, "Khabarkan kepada kami." Rasulullah S.A.W. pun bersabda, "Zikir (ingat) kepada Allah". (HR Hadis At-Tirmizi dan Ibnu Majah)

Zikir merupakan suatu cara kita berkomunikasi dengan diri sendiri (intrapersonal) untuk memberikan peringatan kepada diri bahawa Allah adalah Tuhan yang Maha Berkuasa dan Dia yang mentadbir segalanya yang ada langit dan bumi. Setiap perkara yang berlaku adalah dengan keizinan daripada-Nya hatta sehelai daun yang gugur ke bumi. Semua yang terjadi adalah dengan kekuasaan dan kekuatan Allah s.w.t.

Apabila kita berzikir, kita seakan membisikkan ke telinga kita tentang kekuasaan Allah. Sebab itu amat penting bagi kita untuk mengetahui dan menghafal maksud setiap zikir yang dibaca.

**Subhanallah – Maha Suci Allah**

**Alhamdulillah – Puji-pujian Hanya untuk Allah**

**Allahu Akbar – Allah Maha Besar**

**Lailahaillallah – Tiada Tuhan selain Allah**

Apabila kita membaca zikir tersebut setiap waktu maka kita akan sentiasa menyedarkan diri sendiri untuk sentiasa berada dalam keadaan tenang. Apa yang berlaku adalah ketentuan daripada Allah. Manusia diberikan hak untuk membuat pilihan. Namun setiap pilihan datang dengan takdir Allah. Manusia tidak boleh lari dari qada dan qadar Allah.

Apabila mereka faham tentang maksud takdir ini maka mereka akan sentiasa berada dalam keadaan masa kini (present). Minda kita adalah pengembara masa yang sangat aktif. Jika fikiran kita sering mengimbau kenangan masa lampau (past) maka kita akan sentiasa berada dalam keadaan rasa bersalah, sedih, berduka dan menyesal. Namun jika fikiran kita sering memikirkan perkara yang bakal berlaku pada masa hadapan (future) maka jiwa kita akan sentiasa resah, gelisah, takut bimbang dan sebagainya. Maka untuk berada dalam keadaan tenang, kita perlu sentiasa berada dalam keadaan masa kini – present, tanpa ada rasa penyesalan mahupun sebarang kerisauan. Keadaan ini hanya benar-benar terjadi apabila berada dalam keadaan tenang setelah kita sentiasa memberitahu diri kita dan menyedari bahawa segalanya dalam kekuasaan Allah s.w.t.

Sebagai rumusan, kita perlu sentiasa sedar bahawa segalanya adalah daripada Allah dan akan kembali pada Allah. Hanya jiwa yang sentiasa mengingati Allah s.w.t sahaja yang akan tenang dan berjaya. Orang yang tenang akan sentiasa dapat mengawal emosinya walau apa juga keadaan yang mendarang. Emosi yang terkawal membolehkan otak berfikir dalam keadaan yang waras dan membuat keputusan dengan bijak dan berkesan.



# Permasalahan Berkaitan Ihya' al-Mawat

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri

(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)

Dalam e-Buletin keluaran Februari 2020 yang lalu, telah dijelaskan mengenai konsep berkaitan Ihya' al-Mawat. Lantaran itu, dalam keluaran e-Buletin kali ini, akan dijelaskan pula beberapa permasalahan yang berkaitan dengan Ihya' al-Mawat.

Terdapat pelbagai isu yang boleh dikaitkan dengan Ihya' al-Mawat. Antara isu-isu tersebut adalah:

## 1) Bila gugurnya hak seseorang terhadap tanah miliknya.

Sesiapa yang telah menerima sesebuah tanah yang mati dan telah mendirikan benteng ke atasnya kemudian tidak membangunkannya dengan sebarang pembangunan, maka akan gugurlah haqnya keatas tanah tersebut selepas tiga tahun

Ini bertepatan dengan Athar yang bermaksud: *Daripada Salim bin 'Abdullah, sesungguhnya 'Umar bin al-Khatib RA telah berkata di atas minbar : Sesiapa yang menghidupkan tanah yang mati maka ia menjadi miliknya dan tidaklah ia akan menjadi milik seseorang yang hanya menegahnya sahaja selepas 3 tahun.*

Ia juga bertepatan dengan sabda Nabi SAW yang bermaksud: *Daripada Towus berkata : Telah berkata Rasulullah SAW : Sesungguhnya tanah yang biasa adalah untuk Allah dan RasulNya, kemudian untuk kamu selepas itu. Sesiapa yang menghidupkan tanah yang mati maka tanah tersebut adalah miliknya.*

*Dan tidaklah seseorang yang hanya menegah sesebuah tanah (hanya memiliki tapi tidak membangunkan) memiliki selepas tiga tahun.*

Daripada kedua-dua athar dan hadis Nabi di atas jelaslah menunjukkan bahawa haq seseorang ke atas tanah al-Mawat ini boleh gugur sekiranya ia tidak membangunkan apa-apa di atas tanah tersebut selama tiga tahun.

## 2) Masalah menghidupkan tanah orang lain tanpa di ketahui

Dalam masalah ini, pernah berlaku pada Saidina Umar bin al-Khatib dan Umar bin 'Abdul al-Aziz. Sesungguhnya seorang lelaki telah membangunkan sebuah tanah yang di sangkakannya sebuah tanah yang mati atau tidak di miliki oleh sesiapa. Kemudian, apabila telah di majukan maka datanglah seorang lelaki yang mengakui bahawa tanah tersebut adalah miliknya.

Daripada masalah ini penyelesaiannya adalah sekiranya lelaki yang mengakui tanah tersebut inginkan semula tanahnya, maka hendaklah dia membayar segala upah kepada lelaki yang telah mengusahakannya. Namun begitu, sekiranya lelaki yang memajukan tanah tadi menginginkan tanah tersebut, hendaklah dia membayar hak pemilikan kepada lelaki yang asal tadi. Ini bertepatan dengan Hadis Nabi SAW yang

bermaksud: Sesungguhnya Nabi SAW berkata : Sesiapa yang menghidupkan tanah yang mati maka tanah tersebut miliknya. Dan tidaklah ada hak bagi mereka yang mengambil secara zalim.

### 3) Permasalahan berkaitan dengan pemansuhan pemilikan tanah, galian dan air.

Harus bagi seorang pemimpin atau seorang hakim yang adil memansuhkan pemilikan sesebuah tanah, galian dan juga air selagi mana terdapat kemaslahatan kepada masyarakat.

Sesungguhnya perkara ini telah dilaksanakan sebagaimana oleh Rasulullah SAW dan juga para Khulafa'. Perkara ini ada di jelaskan dalam hadis ini yang bermaksud: "Daripada 'Urwah Bin al-Zubir sesungguhnya 'Abdul Rahman bin 'Auf berkata : Telah memansuhkan akan aku Rasulullah SAW dan 'Umar bi al-Kharab tanah sekian dan sekian..." dan juga hadis ini yang bermaksud: "dan daripada 'Alqamah bin Wael daripada ayahnya, sesungguhnya Nabi SAW telah memansuhkan tanah di Hadra Maut."

Riwayat-riwayat di atas jelas menunjukkan bahawa seseorang hakim ataupun pemimpin layak memansuhkan pemilikkan seseorang sekiranya terdapat kemaslahatan di tanah tersebut. Begitu juga dengan tanah yang di miliki dan tidak dibangunkan atau diusahakan apa-apa, maka seorang pemimpin atau hakim layak menarik semula atau memansuhkan pemilikannya.

## RUMUSAN

Kesimpulannya, di dalam zaman yang penuh dengan kecanggihan dan teknologi kini, permasalahan berkaitan dengan ihyā' al-Mawat hampir tidak diperbincangkan.

Sesungguhnya segala perkara yang bersangkutan dengan masalah tanah di Negara ini lebih tertumpu dan terpikul di bahu pihak kerajaan. Bahkan kebanyakan tanah-tanah yang tidak di miliki oleh sesiapa adalah menjadi milik kerajaan. Bahkan, kurang malah tidak ada pun penduduk setempat sekarang yang berminat untuk mencari tanah-tanah yang terbiar atau mati untuk dibangunkan. Mereka lebih suka bergantung hidup dengan bekerja dengan kerajaan, sektor-sektor perindustrian dan bekerja di kawasan-kawasan Bandar. Walaupun wujudnya golongan yang masih ingin menghidupkan tanah yang mati ini pada masa ini hanyalah golongan-golongan yang menetap di kampung-kampung dan di kawasan-kawasan hutan.

Lantaran daripada itu, wujudnya gejala-gejala yang tidak sihat di kalangan penduduk kerana wujudnya pembalakan haram dan pencerobohan yang tidak wajar belaku sehingga menyebabkan kerosakan ekosistem hutan di Negara ini.

Sekiranya, kerajaan setuju untuk memberikan tanah-tanah yang terbiar yang tidak di majukan ini untuk di miliki oleh golongan yang tidak berumah dan bekerja agar dapat diusahakan, sesungguhnya golongan miskin di Negara ini akan dapat dikurangkan. Inilah menunjukkan betapa sempurnanya hukum yang telah ditetapkan oleh Islam.

Oleh itu, hak Ihya' al-Mawat wajar dan sepatutnya dipraktikkan di Negara ini agar masalah kemiskinan dapat diatasi. Selain itu juga, hak Ihya' al-Mawat ini juga dapat dipraktikkan agar tidak wujud lagi tanah-tanah yg terbiar sehingga menyusahkan penduduk setempat dari segi keselamatan.